

Kuala Lumpur

Cagamas SRP Bhd menjangkakan pinjaman terkumpul yang diluluskan untuk Skim Rumah Pertamaku (SRP) meningkat sebanyak 14,400 tahun ini atau 54.93 peratus daripada 26,213 pada tahun lalu dengan jumlah pembiayaan RM9 bilion.

Pengerusinya, Datuk Bakarudin Ishak berkata, peningkatan itu akan disokong oleh Digital SRP yang baharu dilancarkan serta dapat menyediakan akses baharu bagi calon pembeli rumah pertama kepada pemilihan hartanah yang lebih meluas, termasuk SRP.

Seiring inisiatif digital Cagamas, Digital SRP juga akan menyediakan skim yang lebih mudah, cekap dan berkesan untuk memberikan nilai tambah kepada pembeli.

"Dengan galakan daripada kerajaan bagi memanfaatkan saluran e-penghantaran dalam mendorong revolusi industri keempat dan digitalisasi, pengguna dan perniagaan semakin mengin-



Peningkatan itu akan disokong oleh Digital SRP yang baharu dilancarkan serta dapat menyediakan akses baharu bagi calon pembeli rumah pertama"

Bakarudin Ishak



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin bersama Bakarudin (kanan) serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad, Datuk Chung Chee Leong (kiri) melancarkan Digital SRP di Hotel Hilton, semalam.

DIGITAL SKIM RUMAH PERTAMAKU

AKSES BAHARU PEMBELI RUMAH

tegrasikan aktiviti transaksi di pelbagai platform digital ke dalam rutin harian mereka.

"Dilihat kepada perkembangan baru-baru ini, penggunaan digital di Malaysia

semakin jelas, menggantikan interaksi bersemuka dengan saluran jauh dan digital. Oleh itu, pengenalan Digital SRP bertepatan pada masanya," katanya pada majlis pelancaran inisiatif skim

itu di sini, semalam.

Digital SRP dijayakan oleh Cagamas SRP dengan kerjasama dua portal teknologi hartanah, Didian dan MHub.

Setakat Jun lalu, SRP

membantu hampir 33,000 rakyat Malaysia yang mana 90 peratus daripada kumpulan B40 memiliki rumah pertama mereka dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM6.8 bilion.

Sebanyak 71 peratus permohonan pinjaman diluluskan adalah dari Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Perak dan Melaka, sementara saiz purata pinjaman adalah RM206,450 dengan 86 peratus pemohon pinjaman yang diluluskan berumur dalam lingkungan 25 hingga 40 tahun.

Daripada jumlah itu, 5,400 atau 16 peratus permohonan untuk pinjaman konvensional dan 27,600 (84 peratus) bagi pembiayaan Islam.